



28 Februari 2017
28 February 2017
P.U. (A) 64

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH FI (AGENSI ANGKASA NEGARA) 2017

FEES (NATIONAL SPACE AGENCY) ORDER 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (AGENSI ANGKASA NEGARA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 [Akta 209], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Agensi Angkasa Negara) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2017.

Fi dan pembayaran

2. (1) Fi yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara bagi perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang (1) mengikut unit yang dinyatakan dalam ruang (3).

(2) Fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah dibayar seperti yang berikut:

(a) tidak kurang daripada lima puluh peratus daripada jumlah fi yang kena dibayar hendaklah dibayar sebelum perkhidmatan diberikan; dan

(b) baki fi yang kena dibayar selepas bayaran di bawah subsubperenggan (a) dibuat, hendaklah dibayar sepenuhnya selepas perkhidmatan diberikan.

Remitan

3. Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara boleh meremitkan fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian atau secara am atau dalam mana-mana kes atau kelas kes yang tertentu.

JADUAL

<i>(1)</i> <i>Perkhidmatan</i>	<i>(2)</i> <i>Fi</i> <i>(RM)</i>	<i>(3)</i> <i>Unit</i>
1. Penjejakan, kawalan dan telemetri objek angkasa	3,250.00	sehari
2. Penentukuran dan pencirian radiometrik		
<i>(a)</i> menggunakan sfera integrasi	1,780.00	sehari
<i>(b)</i> menggunakan lampu piawaian	1,770.00	sehari
<i>(c)</i> menggunakan kedua-dua sfera integrasi dan lampu piawaian	2,040.00	sehari
3. Pengujian gangguan elektromagnetik/ keserasian elektromagnetik		
<i>(a)</i> ujian kelakuan emisi	2,070.00	sehari
<i>(b)</i> ujian kelakuan kerentanan	2,140.00	sehari
<i>(c)</i> ujian emisi terpancar	2,080.00	sehari
<i>(d)</i> ujian imuniti terpancar	2,100.00	sehari
4. Pengujian getaran		
<i>(a)</i> menggunakan sistem V9	4,560.00	sehari
<i>(b)</i> menggunakan sistem V994	5,080.00	sehari
5. Pengujian gema akustik	3,880.00	sehari
6. Pengujian terma vakum	3,660.00	sehari
7. Pengukuran perihal jisim	3,260.00	sehari
8. Pengukuran penjajaran	2,490.00	sehari